



**UCAPAN PERASMIAN
YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**SEMPENA
PERASMIAN
BENGKEL PEMURNIAN BUKU 2022**

**PADA
18 - 20 OKTOBER 2022**

**DI
HOTEL BAYVIEW, MELAKA**

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis

YBrs. Dr. Muhammad Rawi Bin Mohamed Zin

Pengarah Kanan (Program Pengurusan)

Agensi Nuklear Malaysia

YBrs. Dr. Zaiton bin Ahmad

Ketua Editor

Jawatankuasa Penerbitan

Nuklear Malaysia

YBrs. Puan Siti Mariam binti Othman

Editor Kanan

Dewan Bahasa dan Pustaka

Editor Kanan dan Editor

Jawatankuasa Penerbitan

Nuklear Malaysia

Editor Kanan dan Editor dari

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Jawatankuasa Penganjur dan Penulis- penulis buku

Bengkel Pemurnian Buku 2022 sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua peserta ke Bengkel Pemurnian Buku 2022 yang akan berlangsung selama tiga (3) hari bermula hari ini hingga 20 Oktober 2022 nanti. Terima kasih kerana dapat melapangkan masa untuk menghadiri bengkel ini yang secara tidak langsung menyokong usaha Kerajaan untuk menyemarakkan lagi arena penulisan dalam era kini.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas di atas usaha jawatankuasa penganjur Bengkel Pemurnian Buku 2022 pada tahun ini iaitu Unit Penerbitan dari Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) kerana berjaya menganjurkan bengkel ini untuk memastikan buku-buku dalam bidang sains dan teknologi nuklear dapat disiapkan dan diterbitkan.
3. Ucapan tahniah juga kepada para penyelidik Nuklear Malaysia yang telah berjaya menerbitkan beberapa siri buku ilmiah saintifik terutamanya dalam teknologi nuklear seperti YBrs. Dr. Muhammad Rawi yang telah berjaya menulis buku berjudul Reaktor Nuklear – Penyelidikan dan

Latihan, Dr. Rida Tajau dan rakan-rakan yang telah menulis dan menerbitkan buku mengenai Teknologi Pemprosesan Sinaran.

4. Selain itu, saya juga ingin menyeru pegawai penyelidik yang ada pada bengkel ini untuk mengambil semangat dan mencontohi usaha YBrS. Dr. Mohamad Pauzi yang tetap aktif menulis walaupun telah bersara dari Nuklear Malaysia. Saya difahamkan sebelum ini, Dr. Pauzi telah menerbitkan buku berjudul Ujian Tanpa Musnah Terjadap Konkrit Struktur dan beberapa penerbitan buku lain. Semoga ilmu yang ditinggalkan ini akan dapat dimanfaatkan oleh penyelidik dan pembaca lain. Kepada yang sedang menulis, teruskan usaha dan berikan komitmen sepenuhnya agar penulisan dan penerbitan yang dirancang dan sedang dilaksanakan ini dapat disiapkan seperti yang dirancang.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi,

5. Pada kesempatan ini juga saya ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atas kerjasama dan komitmen dalam penerbitan bahan sains dan teknologi (S&T) nuklear seperti buku, majalah, ensiklopedia dan glosari sains

nuklear. Sehingga kini, sebanyak 12 buah **penerbitan** buku hasil penulisan pegawai-pegawai Nuklear Malaysia telah diterbitkan oleh DBP.

6. **Penghargaan terima kasih juga saya ucapkan di atas kesudian** pihak DBP untuk menyediakan dan menerbitkan keluaran Dewan Kosmik Edisi Khas sempena sambutan 50 Tahun Nuklear Malaysia **yang telah disambut pada 19 September 2022 yang lepas**. Saya berharap kerjasama ini akan dapat diteruskan dan bengkel-bengkel penulisan bersama pihak DBP akan sentiasa diadakan dari semasa ke semasa.

7. **Sebagai tanda sokongan dan penghargaan saya kepada kerjasama DBP terhadap Nuklear Malaysia selama ini, sukacita saya untuk menyatakan hasrat bagi mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu YBhg. Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokeran yang bertujuan untuk menjalinkan ikatan strategik dan kerjasama erat antara DBP dan Nuklear Malaysia dalam meningkatkan lagi persefahaman di antara kedua-dua pihak dalam bidang penulisan. Saya mohon pihak Unit Komunikasi Korporat Nuklear Malaysia agar dapat mengatur akan sesi kunjungan hormat tersebut dalam masa terdekat ini**

Hadirin dan hadirat sekalian.

8. Saya menyokong hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini sebagai hub kecemerlangan pendidikan dan pengetahuan yang tinggi di rantau ini. Oleh yang demikian, perancangan ini tentunya memerlukan sandaran daripada bidang penulisan khususnya bidang ilmiah. Maka, usaha untuk memperkasakan bidang penerbitan ilmiah adalah relevan dan amat diperlukan dengan usaha menulis dan menerbitkan buku-buku yang bermutu. Untuk menggerakkan usaha tersebut, wahana untuk mengasah kemahiran, idea, meningkatkan ilmu serta mendedahkan para penulis yang terlibat adalah perlu menerusi penganjuran bengkel seumpama ini.

9. Ini adalah kerana, bidang penulisan khususnya buku ilmiah sangat berpengaruh dalam usaha untuk membina kemajuan dan tamadun sesebuah negara. Oleh itu, kepada para penyelidik Nuklear Malaysia yang berkhidmat untuk bangsa dan negara, tuntutan dan kepentingan masyarakat yang berilmu perlu diambil kira dalam penerbitan buku agar anda semua dapat memainkan peranan sebagai agen pembangunan negara yang efektif.

10. Selain itu, penerbitan buku ilmiah oleh penyelidik Nuklear Malaysia ini merupakan salah satu aktiviti Pengurusan Pengetahuan (*Knowledge Management*) yang penting bagi sebuah agensi penyelidikan. Dengan adanya aktiviti ini, aset pengetahuan yang dimiliki oleh agensi, sama ada pengetahuan berbentuk *tacit*, *implicit* dan *explicit* dapat disimpan, diuruskan dan dikongsi bukan sekadar di Nuklear Malaysia mahupun Malaysia, malahan hingga ke peringkat antarabangsa.

11. Selain daripada kepakaran dan ilmu dalam bidang berkaitan, aktiviti penulisan buku ilmiah oleh penyelidik memerlukan teknik dan kemahiran penulisan dalam Bahasa Melayu agar supaya martabat Bahasa Melayu dapat dijulang tinggi sebagai bahasa ilmu. **Sehubungan dengan itu, penganjuran bengkel ini penting untuk melatih dan memberi teknik-teknik dan panduan penulisan yang betul dan efektif dalam menghasilkan penulisan ilmiah kepada penyelidik yang disasarkan agar buku yang dihasilkan ini nanti menjadi sebuah penerbitan yang berkualiti dan mencapai tahap piawaian yang sepatutnya untuk menjadi rujukan di peringkat IPT dan penyelidik sehingga ke peringkat antarabangsa.**

7. Melalui pendedahan selama tiga (3) hari ini, saya mengharapkan agar minat dan semangat para penyelidik Nuklear Malaysia akan menjadi semakin berkobar-kobar untuk terus menulis, menerbitkan buku dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dalam pelbagai genre untuk manfaat diri sendiri dan Nuklear Malaysia. Semoga usaha murni penganjur dalam melaksanakan bengkel pemurnian ini akan terus mendapat sambutan sekaligus menyuntik semangat kepada penyelidik yang lain pada masa hadapan.

8. Akhir kata, saya juga berharap agar kesemua tujuh (7) tajuk cadangan penerbitan buku yang akan dibincangkan dalam bengkel ini dapat dimurnikan dan diserahkan kepada DBP secepat mungkin. Di kesempatan ini, saya juga ingin memohon kerjasama dari pihak DBP sekali lagi untuk membantu Nuklear Malaysia dalam mempercepatkan penerbitan beberapa penerbitan buku yang telah diserahkan kepada DBP pada Mac lepas iaitu:
 - a. Bank Tisu 1;
 - b. Penentuan Ketulenan Emas Menggunakan Pengukuran Sinar-X;
 - c. Biak Baka Mutasi Tanaman Hiasan di Malaysia;
 - d. Radon,
 - e. Instrumentasi dan Kawalan Proses,

- f. Bank Tisu Siri 2; dan
- g. Neutron untuk Keamanan

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Bengkel Pemurnian Buku 2022 pada petang ini.

Sekian, terima kasih.

#TAMAT#